



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2024/02/28\_08 (HQ)

### TNB FOKUS RANGKUL TREBLE TNB-MHL 2024

Pengurusan Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan hoki TNB di atas prestasi yang cemerlang dalam misi menjulang kejuaraan Piala Liga TNB-MHL 2024, di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil semalam.

Ketua Pegawai TNB Global Business Solutions (TGBS), Datuk Ahmad Hushairi Ibrahim berkata, kejayaan merangkul Piala Liga TNB-MHL 2024 telah mengakhiri penantian selama 21 tahun yang mana kali terakhir TNB memenangnya pada 2003.

“Ia adalah trofi kedua dimenangi TNB bagi musim ini, selepas merangkul Piala Sumbangsih pada 7 Februari. Syabas kepada ketua jurulatih, Nor Saiful Zaini Nasiruddin yang membimbang pasukan hoki TNB dan telah mempamerkan prestasi cemerlang sepanjang aksi kejohanan liga.

“Bagi pihak pengurusan TNB, saya berharap agar barisan pemain dapat mengekalkan prestasi yang cemerlang dan memberi tumpuan sepenuhnya pada perlawanan yang bakal diharungi bagi menjuarai Piala TNB sekaligus mencapai aspirasi memenangi piala tiga berganda (*treble*) buat kali pertamanya,” katanya.

Pasukan TNB diketuai Syed Mohamad Syafiq Syed Cholan bersama-sama 10 pemain kebangsaan serta pemain import berpengalaman dari Korea Selatan, Jang Jong Hyun muncul juara liga selepas menewaskan pendatang baru, JM Antsbees 22-1 dalam perlawanan terakhirnya lewat petang semalam. Setakat ini, Azrai Aizad mendahului senarai penjaring terbanyak dengan jumlah 23 jaringan serta diikuti rapat oleh Jong Hyun dengan jumlah 20 jaringan.

“Kombinasi barisan pertahanan serta kemantapan pemain serangan berjaya mencatatkan perbezaan gol besar iaitu 82 jaringan apabila menjaringkan sejumlah 92 gol dan hanya dibolosi 10 gol daripada 10 perlawanan liga,” kata Hushairi.

Sementara itu, Nor Saiful menjelaskan bahawa TNB mendapatkan khidmat Jong Hyun bagi mempelajari dan meningkatkan kemahiran ‘drag flick’ selain memperkuatkannya pasukan TNB. Beliau merujuk kejayaan Syed Mohamad Syafiq yang kini berada di belakang Jong Hyun bagi jaringan menerusi *drag flick*.

“TNB mengambil langkah mendapatkan pemain import atas keperluan pembangunan kemahiran tertentu tanpa mengurangkan kebanggaan terhadap pemain tempatan yang terus diberi keutamaan,” katanya.

S.A. 2024/02/28\_08 (HQ)

Pengurusan TNB mengucapkan terima kasih kepada barisan jurulatih, pemain TNB dan TNB Thunderbolts yang telah bertungkus lumus berusaha pada peringkat liga dan seterusnya bersaing merebut Piala TNB.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 28 Februari 2024, jam 2:30 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



TNB menamatkan penantian 21 tahun apabila muncul juara Liga Premier TNBMHL 2024, trofi kedua selepas mendakap Piala Sumbangsih pada awal musim.